

26/11/1998

Selangor yakin SAIF mampu tambah pelaburan

KERAJAAN Selangor yakin pameran Shah Alam International Fair 1998 (SAIF) di Seksyen 15, Shah Alam berupaya meningkatkan urusan dagangan dalam bentuk pelaburan antara syarikat tempatan dan syarikat luar negara pada tahap lebih baik, berbanding pada 1990.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata pada 1990, nilai urusan dagangan dalam bentuk pelaburan dan usahawan yang diperolehi selepas pameran itu ialah kira-kira RM190 juta.

Beliau berkata, urusan dagangan itu kebanyakannya adalah antara syarikat swasta tempatan dengan syarikat luar negara seperti China, Iran, India, Taiwan dan Jepun.

"Oleh kerana pameran kali ini disertai 10 negara luar, iaitu Nigeria, United Arab Emirates, Morocco, Filipina, Indonesia, Nambia, Belgium, Korea Selatan, Iran dan India, nilai urusan dagangan dalam bentuk pelaburan dan usahawan dijangka lebih tinggi daripada pameran yang sama pada 1990," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Shah Alam International Fair 1998 (SAIF) di Tapak Ekspo Seksyen 15, Shah Alam, semalam.

Pameran anjuran kerajaan negeri dan Saif Promotions (M) Sdn Bhd selama 16 hari mulai 21 November lalu itu bertemakan mempromosikan barang-barang keluaran tempatan yang dianggap bertepatan dengan dasar kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

Selain syarikat dari 10 negara terbabit, pameran itu turut disertai syarikat tempatan membabitkan tiga syarikat kerajaan negeri, 200 syarikat swasta tempatan.

SAIF mula diperkenalkan oleh Selangor pada 1987, sebelum pameran pertamanya dianjurkan setahun kemudian.

SAIF pertama dirasmikan oleh Sultan Selangor manakala SAIF kedua yang dianjurkan pada 1990, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)